

Mohd Rafi Mamat - Jun 29, 2021 @ 7:33am
bhnews@bh.com.my

12 hektar Hutan Simpan Kelau diceroboh



Pegawai PHD Raub menebang dan memusnahkan pokok durian Musang King yang ditanam di Hutan Simpan Kelau, Raub. FOTO NSTP/MOHD RAFI MAMAT

RAUB: Pejabat Hutan Daerah (PHD) Raub bertindak memusnahkan ribuan pokok pisang dan durian klon Musang King dalam kawasan seluas lebih 12 hektar yang ditanam secara haram di Kompartmen 48, Hutan Simpan Kelau, di sini semalam.

Turut dimusnahkan pokok nangka, cempedak dan petai yang ditanam secara berperingkat dipercayai diusahakan tiga individu tempatan.

Pegawai PHD Raub, Shahril Mohamad, berkata operasi memusnahkan pokok di kawasan itu bermula 9 pagi semalam disertai 30 kakitangan dibantu Unit Tindakan Khas (UTK) Raub dan Unit Penguatkuasa (UPK) Zon Pahang Barat Jabatan Perhutanan Negeri

Pahang (JPNP) serta di bawah pengawasan anggota Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Raub.

Katanya, siasatan mendapati dalam kawasan berkenaan terdapat lebih 4,000 pokok pisang pelbagai jenis yang telah mengeluarkan hasil dan kira-kira 350 durian Musang King berusia antara enam bulan hingga tiga tahun.

Katanya, pihaknya turut merobohkan pondok atau rumah kongsi sementara yang dibina, dipercayai tempat tinggal individu dan pekerja ladang berkenaan.

"Ketika operasi dijalankan tiada individu dalam kawasan berkenaan, dipercayai meninggalkan tempat itu sebelum serbuan.

"Operasi pemusnahan ladang haram itu dijangka mengambil masa selama empat hingga lima hari," katanya yang turut menyertai operasi berkenaan, semalam.



Ribuan pokok pisang di tanam secara haram di Hutan Simpan Kelau dimusnahkan pegawai PHD Raub. FOTO NSTP/MOH RAFI MAMAT

Shahril berkata, usaha memusnahkan tanaman ditanam secara haram itu mengambil masa panjang kerana mereka yang terbabit dalam operasi itu menggunakan parang untuk menebang lebih 4,000 pokok pisang dan durian Musang King bersaiz kecil.

Katanha, kedudukan ladang berkenaan bersebelahan dengan Lebuhraya Central Spine Road (CSR) yang sedang dalam pembinaan seolah menjadi pelindung pada individu terbabit melakukan kesalahan sebelum ini.

"Sebahagian pokok pisang dan nangka sudah mengeluarkan hasil dan ia dipercayai dipasarkan di daerah ini.

"Kita tidak akan berkompromi dan bertolak ansur dengan individu yang bertindak mencerooh hutan simpan di daerah ini, tindakan akan diambil mengikut Akta Perhutanan Negara 1984," katanya.